

➔ Bajet 2017 wajar sedia program, inisiatif wanita berpendapatan rendah tingkat taraf hidup

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Menjelang pembentangan Bajet 2017 bulan depan, kerajaan disaran menyedaiakan perancangan lebih terperinci bagi memberi bantuan khas khusus untuk wanita terutama ibu tunggal yang berpendapatan rendah.

Peruntukan berkenaan perlu berikutan kos sara hidup yang semakin tinggi menjadikan golongan itu sering terhimpit dengan pelbagai cabaran dan kesulitan.

Pensyarah Kanan Fakulti Sy-

riah dan Undang-undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata peruntukan itu sepatutnya lebih baik daripada yang pernah diberikan pada bajet sebelum ini.

Katanya, kajian terperinci termasuk dari segi kelayakan penerima, wujudkan skim tertentu seperti perniagaan bagi membolehkan mereka memulakan mata pencarian baharu.

Bantuan supaya mampu berdikari

“Peruntukan itu meliputi bantuan memulakan pinjaman, perbelanjaan pendidikan dan perubatan diri, anak supaya mereka sekeluarga mampu berdikari dan memperoleh pendapatan lebih stabil.

“Kebanyakan wanita yang diceraikan atau kematian suami tidak bekerja, kelayakan akademik rendah dan sukar menyara kehidupan kerana sebelum ini bergantung sepenuhnya kepada suami,” katanya ketika dihubungi BH.

Dr Muzaffar Syah berkata, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sebagai platform ter-



Kebanyakan wanita yang diceraikan atau kematian suami tidak bekerja, kelayakan akademik rendah dan sukar menyara kehidupan”

Dr Muzaffar Syah Mallow,

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-undang, Universiti
Sains Islam Malaysia

baik menyusun dan mengumpul pandangan daripada badan bukan kerajaan (NGO) berpengalaman untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai ibu tunggal.

“Mereka mempunyai pengalaman luas malah memiliki pusat perlindungan seperti diuruskan Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) yang menempatkan mangsa keganasan rumah tangga,” katanya.

Berdepan cabaran ekonomi, sosial, psikologi, perundangan

Dr Muzaffar Syah berkata, itu sebahagian langkah memberi galakan kepada ibu tunggal membesarkan anak, di samping memberi tumpuan kepada mereka yang kurang berpendidikan dan berpendapatan kecil.

“Umumnya, wanita kehilangan tempat bergantung, berdepan cabaran ekonomi, sosial, psikologi dan perundangan berikutan dalam proses perceraian.

“Kebiasaannya mereka bertanggungjawab membesarkan anak dan selalunya tanpa pertolongan bekas suami. Justeru, bantuan khas penting bagi meringankan beban kewangan dan

meneruskan kehidupan mendatang,” katanya.

Beliau berkata, peningkatan kos sara hidup terutama mereka yang tinggal di bandar menguji keupayaan menguruskan diri untuk menampung ahli keluarga secara bersendirian.

“Sememangnya mereka perlu bersedia fizikal dan mental untuk berhadapan dengan masyarakat sekeliling yang mempunyai tanggapan sinis wanita yang tidak bersuami,

“Kelazimannya, ibu tunggal menghadapi masalah nafkah berikutan bekas suami bersifat lepas tangan dan hilang begitu saja, membiarkan kesengsaraan golongan ini berjuang membina kehidupan baharu.

Katanya, ada sanggup berniaga kecil-kecilan tanpa sokongan modal bagi menyara anak sekali gus menempuh cabaran sukar berikutan tiada pengalaman menjalankan perniagaan.

“Fenomena ibu tunggal ini memberi kesan kepada keluarganya secara tidak langsung. Justeru, peruntukkan atau bantuan khas mesti terus serta harus diberikan terhadap golongan terabit menerusi Bajet 2017 yang akan datang,” katanya.